

29/01/2001

Umno serius bincang perpaduan Melayu

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini sekali lagi mengulangi bahawa Umno serius dalam usahanya untuk menyatupadukan orang Melayu.

Timbalan Perdana Menteri juga menekankan bahawa perpaduan Melayu diberi keutamaan dulu sebelum skop perbincangan diperluaskan merangkumi perpaduan nasional seperti diminta pembangkang.

"Buat peringkat awal, Umno berhasrat mengadakan pertemuan dengan Pas bagi membincangkan perpaduan Melayu tetapi ini tidak sesekali bermakna Umno menolak sama sekali soal perpaduan nasional.

"Justeru, saya sudah meminta Setiausaha Agung Umno (Tan Sri Khalil Yaakob) supaya segera menemui Pas bagi menetapkan tarikh baru berikutan ketiadaan ramai pemimpin tertinggi Pas pada tarikh yang ditetapkan sebelum ini kerana ramai sudah ke luar negara.

"Saya rasa, sebaik-baiknya biarlah Tan Sri (Khalil Yaakob) bertemu dengan Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, untuk berbincang kerana di pihak Umno, banyak perkara sudah dibincangkan," katanya.

Pertemuan antara parti termasuk pembangkang bagi membincangkan soal perpaduan Melayu adalah idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas menyedari orang Melayu mula berpecah belah akibat perbezaan politik parti.

Cadangan itu diterima baik Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor. Bagaimanapun, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menolaknya dengan alasan ia tidak yakin terhadap keikhlasan pemimpin Umno.

Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Aziah Wan Ismail, menolak saranan itu dengan alasan bahawa perpecahan Melayu hanya berlaku di kalangan anggota Umno sahaja dan tidak membabitkan parti pembangkang.

Walaupun begitu, Presiden Pas memberi jaminan tetap meneruskan hasrat parti itu untuk mengadakan perbincangan perpaduan Melayu pada tarikh yang akan ditetapkan.

Mengenai cadangan Pas untuk mengkaji keputusan mengadakan perbincangan itu terlebih dulu, Abdullah menegaskan bahawa penetapan tarikh pertemuan harus disegerakan bagi mengelak timbulnya kekeliruan lain.

(END)